



i-GREAT Mega Plus

Di mana perlindungan dan legasi bersatu



Di mana perlindungan dan legasi bersatu

i-Great Mega Plus merupakan pelan berkaitan pelaburan generasi baharu yang direka untuk menyokong keperluan perlindungan kewangan anda di samping menyediakan peluang untuk mengimbangkan perancangan kewangan secara lebih menyeluruh. Dengan penekanan terhadap tahap perlindungan yang tinggi, pilihan caruman dan tempoh perlindungan yang fleksibel, pelan ini membantu melindungi perkara yang paling bermakna dalam kehidupan. Potensi pulangan melalui dana yang diurus secara profesional turut melengkapkan pelan ini, membuka ruang kepada peluang perlindungan dan pertumbuhan pada masa hadapan yang lebih terjamin.

INFOGRAFIK A

Adam, 35 tahun, bukan perokok.

Peringkat Kehidupan: Sudah berkahwin dan mempunyai 2 orang anak.

Matlamat: Melindungi keluarga sekiranya berlaku perkara tidak diingini melalui penamaan di bawah hibah bersyarat.



RM500,000
Jumlah Perlindungan Asas (BSC)

Tempoh Perlindungan:

Sehingga umur 70 hari lahir berikutnya (ANB)

Tempoh Bayaran:

Bayaran Penuh

Langkah 1: Mulakan pelan perlindungan dan namakan orang tersayang sebagai penerima Hibah


Pilih Jumlah Perlindungan Asas (BSC) = RM500,000
Caruman yang dibayar mewujudkan Akaun Unit Peserta (PUA) Adam.

RM500,000
Jumlah Perlindungan Asas (BSC)




Langkah 2: Bina Nilai Jumlah Akaun (TAV)

Nilai Jumlah Akaun dalam PUA boleh bertambah dari semasa ke semasa melalui caruman berterusan, prestasi dana, serta Manfaat Kesetiaan yang dibayar pada **setiap tahun sivil ke-5** sehingga tamat tempoh pembayaran caruman.



Langkah 4: Jika semuanya lancar sehingga tarikh matang

Jika Adam hidup sehingga tarikh matang pada umur 70ANB, Adam boleh menerima yang berikut dalam satu jumlah sekaligus:



Manfaat Rangsangan Matang
(1% daripada BSC)

+

TAV dalam PUA
(jika ada)

Contoh: Adam meninggal dunia akibat kemalangan semasa lawatan pekerjaan di luar negara.




Manfaat Ihsan	Manfaat Kematian Maksimum (RM500,000 atau RM85,000)	Manfaat Kematian akibat Kemalangan (di luar Malaysia) Tambahan 300% daripada BSC
RM5,000	RM500,000	tambahan RM1,500,000

***Jumlah manfaat takaful untuk diagihkan kepada penerima Hibah: RM2,000,000**

**(tidak termasuk Manfaat Ihsan yang dibayar terlebih dahulu kepada ahli keluarga terdekat)*

Langkah 3: Jika kejadian tidak diingini berlaku



* Diagram ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.


Di mana perlindungan dan legasi bersatu

i-Great Mega Plus merupakan pelan berkaitan pelaburan generasi baharu yang direka untuk menyokong keperluan perlindungan kewangan anda di samping menyediakan peluang untuk mengimbangkan perancangan kewangan secara lebih menyeluruh. Dengan penekanan terhadap tahap perlindungan yang tinggi, pilihan caruman dan tempoh perlindungan yang fleksibel, pelan ini membantu melindungi perkara yang paling bermakna dalam kehidupan. Potensi pulangan melalui dana yang diurus secara profesional turut melengkapkan pelan ini, membuka ruang kepada peluang perlindungan dan pertumbuhan pada masa hadapan yang lebih terjamin.

INFOGRAFIK B

Aina, 40 Tahun,
Pemilik Perniagaan/
Pengasas.

Matlamat:
Kesinambungan
perniagaan sekiranya
tidak lagi
mampu bekerja.



Langkah 1: Daftar Hari Ini Lindungi individu. Lindungi perniagaan.

Dengan menyertai i-Great Mega Plus, Aina mendapat perlindungan terus sambil membina nilai masa panjang.




Langkah 2: Membina TAV

Nilai Jumlah Akaun dalam PUA boleh bertambah dari semasa ke semasa melalui caruman berterusan, prestasi dana, serta Manfaat Kesetiaan yang dibayar pada **setiap tahun sijil ke-5** sehingga tamat tempoh pembayaran caruman.



Langkah 4: Cara Perniagaan Dilindungi Manfaat Takaful yang dibayar boleh digunakan untuk:




Langkah 3: Kejadian Tidak Dijangka Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) berlaku

Aina tidak lagi mampu menguruskan perniagaan akibat HUPK - namun perbelanjaan dan tanggungjawab perniagaan tetap diteruskan.

Risiko tanpa perlindungan:

- Gangguan aliran tunai
- Gaji kakitangan terjejas
- Komitmen pembiayaan dan tanggungan tetap wujud

Contoh Bayaran Manfaat:



Manfaat HUPK Maksimum(RM1,000,000, RM100,000)
RM1,000,000
Manfaat HUPK dibayar: RM1,000,000

* Diagram ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Tanya Perunding Takaful Anda



Perunding Takaful

Apakah jenis perlindungan yang saya perlukan?

01

02

Berapakah jumlah perlindungan yang saya perlukan?

Apakah manfaat/perkhidmatan yang diberikan oleh pelan ini?

03

04

Adakah caruman saya meningkat seiring dengan umur saya?

Bolehkah saya tingkatkan pelan saya di masa hadapan?
(Tambahan rider, penambahan caruman, naik taraf pakej)

05

06

Apakah yang tidak dilindungi di dalam pelan ini?

Apakah jenis dokumen/laporan yang saya perlu ada untuk menyertai pelan ini?
(cth: laporan perubatan atau salinan Kad Pengenalan) Adakah caj yang dikenakan untuk mendapatkan laporan tersebut dibiayai oleh saya sendiri?

07

08

Berapa lamakah perlu saya tunggu sebelum perlindungan saya bermula?

Adakah saya mampu untuk membayar caruman ini?

09

10

Apakah kaedah bayaran yang paling berkesan supaya saya tidak lupa membayar caruman saya?




Manfaat dan Ciri-ciri

Perlindungan bertaraf premium sehingga 400% daripada Jumlah Perlindungan Asas, direka untuk menjaga kesinambungan gaya hidup anda dan melindungi legasi keluarga secara eksklusif.

Manfaat Kesetiaan setiap 5 tahun sivil sehingga tamat tempoh pembayaran caruman, sebagai penghargaan istimewa untuk komitmen anda.

Fleksibiliti premium untuk tempoh bayaran dan perlindungan, memberi anda kebebasan mengatur strategi kewangan mengikut aspirasi hidup, kerjaya dan pelaburan jangka panjang.



Manfaat dan Ciri-ciri



Jumlah Perlindungan Asas Tinggi

Minimum: RM300,000

Maksimum: Tertakluk kepada pengunderaitan



Manfaat Kesetiaan

Pada setiap akhir tahun sijil ke-lima (ke-5) semasa tempoh pembayaran caruman, 5% daripada caruman tahunan akan dikreditkan ke dalam Akaun Unit Peserta (PUA), dengan syarat caruman dibayar tepat pada waktunya dan tiada pengeluaran separa dilakukan daripada PUA. Manfaat ini dibayar dari Dana Pengendali Takaful sebagai *Hibah* (hadiah) kepada Peserta.



Manfaat Rangsangan Matang

Apabila pelan anda matang, 1% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dikreditkan ke dalam PUA dengan syarat carumah telah dibayar sepenuhnya dan dibayar tepat pada masanya. Manfaat ini dibayar dari Dana Pengendali Takaful sebagai *Hibah* (hadiah) kepada Peserta.



Manfaat Matang

Apabila pelan anda matang, anda akan menerima Jumlah Nilai Akaun (TAV) dalam PUA (jika ada), termasuk Manfaat Rangsangan Matang, dibayar secara sekaligus.



Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK)

Sekiranya Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) berlaku sebelum tempoh ulang tahun Sijil sebelum Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 tahun hari lahir berikutnya, jumlah yang tertinggi di antara berikut akan dibayar:

- Jumlah Perlindungan Asas (BSC); atau
- Jumlah Nilai Akaun (TAV) dalam PUA.

Had HUPK keseluruhan sebanyak RM8 juta akan dikenakan ke atas mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah semua sijil individu dan berkaitan kredit (tidak termasuk sijil kumpulan) yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful. Had seumur hidup sebanyak RM8 juta akan dikenakan kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, jika HUPK berlaku sebelum ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 5 tahun hari lahir berikutnya, Lien Kanak-kanak akan dikenakan ke atas Jumlah Perlindungan Asas. Perlindungan HUPK penuh akan diberikan bermula pada umur 5 hari lahir berikutnya.



Manfaat Kematian

Manfaat Kematian yang dibayar adalah jumlah yang tertinggi di antara:

- Jumlah Perlindungan Asas (BSC); atau
- Jumlah Nilai Akaun dalam PUA.

Sekiranya berlaku kematian sebelum umur 5 tahun hari lahir berikutnya, Lien Kanak-Kanak akan dikenakan ke atas Jumlah Perlindungan Asas.



Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi akibat kemalangan sebelum ulang tahun sivil iaitu Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 tahun hari lahir berikutnya, jumlah peratusan tambahan daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar daripada Dana Tabarru', di atas Manfaat Kematian, berdasarkan kemalangan seperti berikut:

Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (% daripada Jumlah Perlindungan Asas)
Kematian akibat kemalangan di Malaysia	100%
Kematian akibat kemalangan di Malaysia yang disebabkan oleh kejadian-kejadian tertentu: i. sebagai penumpang dalam Pengangkutan Awam; atau ii. sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik (lif atau lif elektrik di lombong atau bangunan yang sedang dibina adalah dikecualikan); atau iii. akibat kebakaran hotel atau bangunan awam lain (kecuali teater dan pawagam) yang mana Orang yang Dilindungi berada di situ semasa kebakaran bermula.	200%
Kematian akibat kemalangan di luar Malaysia	300%

Lien Kanak-kanak yang sama mengikut Manfaat Kematian terpakai ke atas Manfaat Kematian akibat Kemalangan.



Manfaat Ihsan

RM5,000 dibayar sekiranya meninggal dunia.



Lien Kanak-Kanak

Sekiranya berlaku Kematian, atau Kematian akibat Kemalangan, atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal sebelum ulang tahun Sivil sebelum Orang yang Dilindungi mencapai umur 5 tahun, peratusan Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar seperti berikut:

Umur Hari Lahir Berikutnya	Jumlah Perlindungan Asas Selepas Lien
1	20% daripada Jumlah Perlindungan Asas
2	40% daripada Jumlah Perlindungan Asas
3	60% daripada Jumlah Perlindungan Asas
4	80% daripada Jumlah Perlindungan Asas

Nota: Perlindungan penuh akan diberikan dari umur 5 tahun.



Wakaf & Hibah

Khidmat Wakaf

Sekiranya anda meninggal dunia, jumlah daripada Manfaat Kematian yang telah dipersetujui oleh anda akan disalurkan kepada badan wakaf yang dilantik oleh kami untuk perkhidmatan ini. Khidmat ini adalah pilihan tambahan dan anda harus mengisi Borang Perkhidmatan Wakaf.

Hibah (Hadiah) untuk yang Tersayang atau Amal

Buat persediaan untuk waris dan/atau organisasi amal yang anda pilih apabila anda mencarum ke i-Great Mega Plus. Isikan borang penama untuk waris anda dan borang serah hak untuk badan kebajikan yang anda pilih. Buat persediaan serentak untuk KEDUA-DUANYA, hanya dengan Great Eastern Takaful.



Rider-rider Pilihan

i-Critical Illness Benefit Rider (IL CIBR)
i-Provider on DD Rider (IL PDD)
i-Contributor Benefit Plus Rider (i-CBP)

Untuk maklumat lanjut tentang rider-rider, anda boleh merujuk kepada laman web kami atau menghubungi Perunding Takaful kami.

Pilihan Dana

Pilih daripada pelbagai dana yang diuruskan secara profesional dan tentukan kombinasi yang paling sesuai untuk anda

Dana i-Makmur

Dana yang dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap Islam, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (berkadar dari 40% hingga 100%) serta deposit Islam. Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan yang konsisten dengan tahap mudah ubah yang rendah. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap luar Negara yang diluluskan Syariah (sehingga 50%) untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Makmur hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Mekar


Dana yang mana pelaburan adalah dalam ekuiti yang berlandaskan Syariah (dari 80% hingga 100%) yang mudah ubah dalam jangka pendek, dan juga deposit Islam. Dana ini berupaya mencapai peningkatan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Kawasan Besar China (Tanah Besar China, Hong Kong, Macau dan Taiwan) (sehingga 25%), sekiranya dan apabila diperlukan, untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Shariah.

Dana i-Majmuk

Dana yang dilaburkan dalam campuran ekuiti yang berlandaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap Islam dan deposit Islam. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh dilaburkan hanya dalam sekuriti pendapatan tetap Islam atau ekuiti yang berlandaskan Syariah. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Ekuiti Global

Dana yang dilaburkan dalam portfolio antarabangsa ekuiti yang berlandaskan Syariah dan ekuiti yang berkait dengan sekuriti syarikat yang mempunyai potensi perkembangan yang baik yang berlandaskan Syariah. Dana ini akan dilaburkan sebanyak sembilan puluh peratus (90%) hingga seratus peratus (100%) daripada Nilai Aset Bersih (NAV) ke dalam ekuiti berlandaskan Syariah dan ekuiti yang berkait dengan sekuriti yang berlandaskan Syariah. Baki daripada NAV bagi dana ini akan dilaburkan ke dalam aset cair yang islamik dan/atau akan disimpan sebagai tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.



Anda boleh mengubah pilihan dana anda tanpa sebarang had dan caj. Anda mempunyai pilihan untuk menukar dana anda bergantung kepada pandangan anda terhadap pasaran semasa. Semua dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Nota: Caruman anda (selepas penolakan caj pendahuluan dan tabarru') akan dilaburkan dalam dana unit patuh Syariah pilihan anda. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk maklumat peruntukan terperinci.

Dapatkan Ganjaran

Nikmati lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan

Dengan **i-Great Mega Plus**, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' setelah melakukan penyelarasan yang sesuai untuk tujuan kecemasan, akan dikongsi antara semua Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Unit Peserta anda.


Semua keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana Tabarru' akan dikongsi di antara Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Sebarang keuntungan daripada Akaun Unit Peserta akan dikreditkan semula ke dalam Akaun Unit Peserta anda.

Sebarang kerugian daripada Dana Tabarru' akan dibawa ke hadapan dan akan diambilkira sebelum dimasukkan ke dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya dan kerugian daripada Akaun Unit Peserta akan ditunjukkan di dalam akaun.

Semua keuntungan atau kerugian pelaburan (jika ada) daripada Akaun Unit Peserta akan ditunjukkan dalam harga unit harian.


Nota: Lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.

Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.



Nikmati Pelepasan Cukai

Anda layak menerima pelepasan cukai perseorangan apabila anda menyertai **i-Great Mega Plus**. Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.



Soalan Lazim

Q

Berapakah umur kemasukan minimum dan maksimum?

A

Umur penyertaan minimum dan maksimum adalah bergantung kepada tempoh perlindungan dan pembayaran caruman, seperti yang berikut:

Tempoh Perlindungan	Tempoh Pembayaran Caruman	Umur Kemasukan Minimum	Umur Kemasukan Maksimum
Sehingga Umur 60ANB	5-Tahun	14 hari umur dicapai (19 tahun hari lahir berikutnya bagi pemilikan sijil)	50 tahun hari lahir berikutnya
	10-Tahun		50 tahun hari lahir berikutnya
	20-Tahun		39 tahun hari lahir berikutnya
	Bayaran Penuh		39 tahun hari lahir berikutnya
Sehingga Umur 70ANB	5-Tahun		60 tahun hari lahir berikutnya
	10-Tahun		60 tahun hari lahir berikutnya
	20-Tahun		49 tahun hari lahir berikutnya
	Bayaran Penuh		49 tahun hari lahir berikutnya
Sehingga Umur 80ANB	5-Tahun		70 tahun hari lahir berikutnya
	10-Tahun		70 tahun hari lahir berikutnya
	20-Tahun		59 tahun hari lahir berikutnya
	Bayaran Penuh		59 tahun hari lahir berikutnya

Tempoh Perlindungan	Tempoh Pembayaran Caruman	Umur Kemasukan Minimum	Umur Kemasukan Maksimum
20 Tahun	5-Tahun	14 hari umur dicapai (19 tahun hari lahir berikutnya bagi pemilikan sijil)	70 tahun hari lahir berikutnya
	10-Tahun		
	Bayaran Penuh		
30 Tahun	5-Tahun		
	10-Tahun		
	20-Tahun		
	Bayaran Penuh		

Q

Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

A

Tertakluk kepada semakan kelangsungan, kadar caruman akan berbeza mengikut profil risiko (jantina & umur), tempoh perlindungan, dan tempoh pembayaran caruman yang dipilih. Peserta boleh membuat caruman tambahan (top-up) minimum sebanyak RM1,000 setahun, yang membolehkan peningkatan Nilai Akaun Keseluruhan (TAV) serta meningkatkan kelestarian sijil.

Q

Berapakah Jumlah Perlindungan Asas?

A

Jumlah Perlindungan Asas minimum adalah RM300,000. Sebarang permohonan untuk i-Great Mega Plus adalah tertakluk kepada keperluan pengunderaitan Syarikat yang terpakai.

Q

Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

A

Anda boleh membuat caruman melalui GIRO, Arahan Bank atau kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dibenarkan untuk caruman tahunan, separuh tahunan dan suku tahunan sahaja.

Q

Bolehkah saya mengubah Jumlah Perlindungan Asas pelan ini?

A

Anda boleh mengubah Jumlah Perlindungan Asas tertakluk kepada had yang dibenarkan dan kelulusan Syarikat. Peningkatan Jumlah Perlindungan Asas mungkin memerlukan pengunderaitan dan notis sekurang-kurangnya 30 hari kepada kami.

Q**Apakah yuran dan caj yang dikenakan?****A****Caj Pendahuluan**

Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Akaun Unit Peserta (PUA) (sebagai peratusan Caruman), yang terdiri daripada:

- kos pengedaran langsung termasuk komisen pengantara, dan
- perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda, termasuk Duti Setem sebanyak RM10.

Tahun Sijil	Tempoh Pembayaran		
	5-Tahun	10-Tahun	20-Tahun/ Bayaran Penuh
1	12.50%	20.00%	40.00%
2	12.50%	20.00%	40.00%
3	12.50%	20.00%	40.00%
4	6.25%	10.00%	20.00%
5	6.25%	10.00%	20.00%
6	-	10.00%	20.00%
7	-	2.50%	5.00%
8	-	2.50%	5.00%
9	-	2.50%	5.00%
10	-	2.50%	5.00%
≥11	-	-	-

Tabarru'

Tabarru' akan berbeza mengikut umur yang dicapai pada Ulang Tahun Sijil, kelas pekerjaan, jantina dan status merokok Orang yang Dilindungi. Tabarru' akan ditolak setiap bulan melalui penolakan unit dalam PUA.

Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana akan ditolak daripada PUA pada setiap penilaian aset sebelum menentukan Nilai Aset Bersih (NAV). Harga unit akan menentukan potongan.

Kod Dana	Nama Dana	Caj Pengurusan Dana
01	Dana i-Makmur	0.50%
02	Dana i-Mekar	1.45%
03	Dana i-Majmuk	1.25%
04	Dana i-Ekuiti Global	1.50%

Caj Perkhidmatan

Caj pentadbiran sebanyak RM10 akan ditolak di permulaan setiap bulan Sijil melalui penolakan unit yang telah diperuntukkan ke dalam PUA, pada NAV semasa Tarikh Penilaian yang Berikutnya.

Caj Pengeluaran Separa

Caj Pengeluaran Separa sebanyak RM25 akan dikenakan bagi setiap transaksi pengeluaran separa daripada Nilai Akaun di dalam PUA. Caj ini akan ditolak daripada jumlah pengeluaran. Pengeluaran separa boleh dilakukan dari tahun sijil ke-enam dan selanjutnya.

Caj Serahan

Caj Serahan dikenakan kepada Nilai Akaun di dalam PUA selepas penyerahan penuh Sijil asas:

Tahun Sijil	Caj Serahan (% daripada Jumlah Serahan dalam PUA)
1	20%
2	15%
3	10%
4	8%
5	7%
≥6	0%

Nota: Yuran dan caj di atas adalah tertakluk kepada semakan semula pada ulang tahun Sijil oleh kami dengan memberikan anda notis sekurang-kurangnya 3 bulan. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk, Ilustrasi Manfaat dan Sijil yang dikeluarkan oleh Kami.

Q

Adakah saya akan dimaklumkan apabila Jumlah Nilai Akaun di dalam PUA tidak mencukupi untuk membayar yuran dan caj?

A

Notis Kelangsungan Tahunan akan dihantar kepada anda setiap tahun. Dalam notis tersebut, anda akan dimaklumkan tentang jangkaan kelangsungan sijil anda, dan cadangan yang sesuai jika sijil anda dijangka tidak kekal sehingga akhir tempoh sijil anda.

Q**Apakah pengecualian yang terdapat di dalam Sijil ini?****A****Pengecualian bagi Manfaat Kematian:**

Sekiranya Orang yang Dilindungi, sama ada ketika waras atau tidak waras membunuh diri dalam tempoh setahun (1 tahun) dari Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, Sijil ini akan dibatalkan. Dalam keadaan seperti itu, tanggungjawab Pengendali Takaful terhad kepada pembayaran balik perkara berikut:

- i. Jumlah Nilai Akaun dalam PUA; dan
- ii. Jumlah yang ditolak untuk Tabarru'.

Pengecualian untuk Manfaat HUPK:

Tiada manfaat HUPK akan dibayar untuk sebarang kecederaan yang membawa kerugian yang diakibatkan oleh, termasuk mana-mana yang berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- i. sedia ada sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
- ii. disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
- iii. disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- iv. akibat Orang Yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi; atau
- v. akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Pengecualian untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan:

Tiada manfaat akan dibayar jika berlaku kejadian berikut:

- i. bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketikawaras atau tidak waras;
- ii. penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dengan dan akibatnya belahan atau luka kemalangan;
- iii. peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
- iv. daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.

Nota: Senarai pengecualian ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

Notis Penting

1. **i-Great Mega Plus** adalah Pelan Takaful Keluarga Berkaitan Pelaburan (“ILT”) caruman berkala, yang menyediakan perlindungan apabila berlaku Kematian atau Hilang Upaya Penuh & Kekal, Kematian akibat Kemalangan dan membayar nilai TAV apabila pelan matang ke atas Orang yang Dilindungi. **Pelan ini adalah produk Takaful berlandaskan prestasi yang mendasari aset, dan bukan suatu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
2. Umur merujuk kepada umur hari lahir berikutnya. Caruman perlu dibayar mengikut tempoh pembayaran caruman – bayaran terhad atau bayaran penuh, atau sehingga kematian atau Hilang Upaya Penuh & Kekal terhadap Orang Yang Dilindungi, atau penamatan Sijil, yang mana terdahulu. Jumlah Caruman juga adalah tetap selama tempoh pembayaran caruman.
3. Anda boleh berhenti membayar caruman dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat nilai yang mencukupi dalam PUA untuk membayar Tabarru’, yang mana berkenaan. Walau bagaimanapun, Manfaat Kesetiaan mungkin tidak akan dibayar dan ada kemungkinan Sijil akan luput sekiranya caj yang dikenakan, termasuk Tabarru’, melebihi jumlah TAV yang terdapat di dalam PUA.

Caruman yang anda bayar menyumbang kepada unsur simpanan dan perlindungan bagi produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan Sijil Takaful ini dengan pulangan efektif bagi alternatif pelaburan lain.

4. Anda seharusnya yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
5. “Tempoh rujukan percuma” selama 15 hari daripada tarikh anda menerima Sijil diberikan kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika Sijil ini dikembalikan kepada kami dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan suatu jumlah yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar bersamaan:
 - i. Sebarang caruman yang tidak diperuntukkan;
 - ii. Jumlah Nilai Akaun Sijil ini;
 - iii. Sebarang Tabarru’ dan Caj Perkhidmatan yang telah ditolak;di mana Sijil dianggap batal dan tanggungjawab kami ditamatkan.

Tolak bayaran yang dikenakan untuk pemeriksaan kesihatan (jika ada).

6. Anda boleh menerima baki Jumlah Nilai dalam PUA (jika ada) setelah pelan ditamatkan, diserahkan, atau mencapai tempoh matang yang mungkin lebih rendah daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PUA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru’ sekiranya pelan ditamatkan atau matang.
7. PUA akan berdasarkan prestasi sebenar dana tersebut dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini ditanggung sepenuhnya oleh anda dan PUA. Sijil mungkin luput sekiranya caj-caj yang diperlukan (termasuk Tabarru’) melebihi jumlah nilai yang ada dalam PUA. Kelangsungan pelan ini bergantung kepada prestasi aset dasar.
8. Menyertai sebuah pelan Takaful Keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar caruman anda di dalam tempoh tenggang selama 30 hari, Sijil anda akan luput. Nilai tunai terkumpul yang anda mungkin perolehi sekiranya anda menamatkan Sijil sebelum tempoh matang akan berjumlah jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
9. Jika Sijil anda beralih daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau anda mengganti Sijil semasa anda dengan Sijil lain dengan Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan di mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian Sijil.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak Takaful Keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk, Risalah Penyataan Dana, dan contoh Sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.

i-Great Mega Plus merupakan produk yang patuh Syariah.

Where protection meets legacy


i-Great Mega Plus is a new-generation investment-linked plan designed to support your financial protection needs while offering a more balanced approach to long-term financial planning. With strong emphasis on comprehensive protection, flexible contribution options, and adaptable coverage terms, this plan helps safeguard what matters most in life. Potential returns through professionally managed funds further enhance the plan, opening opportunities for protection and growth in the future.

INFOGRAPHIC A

Adam, 35 years old,
non-smoker.

Life Stage:
Married with
two children.

Goal:
Protecting the family in
the event of unforeseen
circumstances through
nomination under a
conditional hibah



RM500,000
Basic Sum
Covered
(BSC)

Coverage Term:


Up to 70 Age
Next Birthday (ANB)

Payment Term:

Full-Pay


Step 1: Start his plan and nominate his loved ones as Hibah beneficiaries

Choose Basic Sum Covered (BSC) = RM500,000.
Contributions paid create his Participant's Unit Account (PUA).




Step 2: Building the Total Account Value (TAV)

The Total Account Value under the PUA may increase over time through continuous contributions, fund performance, and Loyalty Benefits paid **every fifth certificate year** until the end of the contribution period.



Step 4: If everything goes well until maturity


If Adam lives up until maturity at the age of 70ANB, he may receive the following amount in one lump sum:




**Maturity
Booster Benefit**
(1% of BSC)

+

TAV in PUA
(if any)




RM5,000
Compassionate
Benefit



RM500,000
BSC

RM85,000
TAV in PUA
upon death


Maximum



(+) RM500,000
BSC **x 300%**

Compassionate Benefit	Death Benefit Maximum (RM500,000 or RM85,000)	Accidental Death Benefit (outside of Malaysia) Additional 300% of BSC
RM5,000	RM500,000	Additional RM1,500,000
